



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

31 Mei 2019

PEMBIAYAAN DAN INSENTIF CUKAI UNTUK MENINGKATKAN PEMBANGUNAN HIJAU

31 Mei 2019, Bangi - Kerajaan terus menyokong pembangunan perniagaan hijau dengan pengembalian semula Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, GTFS 2.0 dengan dana / pembiayaan baharu yang diperuntukkan sehingga RM2.0 bilion untuk tempoh (2) tahun dari 2019 hingga 2020. Skim ini akan menyokong enam (6) sektor utama yang merangkumi Tenaga, Sisa Buangan, Air, Bangunan, Pengangkutan dan Pembuatan.

GTFS 2.0 juga akan terus memberi 60% jaminan kerajaan ke atas kos kewangan komponen hijau yang dibiayai oleh Institusi Kewangan Penyertaan (PFIs) serta rebat 2% pada faedah / keuntungan. Had pembiayaan bagi kategori Pengeluar dan Pengguna adalah sehingga maksimum RM100 juta dan RM50 juta.

Salah satu peningkatan utama GTFS 2.0 adalah kemasukan *Energy Services Company* (ESCOs) yang layak untuk pembiayaan pelaburan atau aset yang berkaitan dengan projek cekap tenaga dan *Energy Performance Contract* (EPC). ESCO layak memperoleh pembiayaan maksimum sebanyak RM25 juta untuk tempoh sehingga lima tahun. Ini akan merangsang perniagaan kecekapan tenaga yang kini dianggap sebagai kawasan pertumbuhan ekonomi baharu.

Mengulas mengenai pembiayaan GTFS 2.0, YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berkata, "Pelaksanaan GTFS adalah penting untuk memastikan projek-projek yang berasaskan teknologi hijau terus mendapat pembiayaan dan sokongan, yang akan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan industri teknologi hijau di negara ini."

"Memandangkan pasaran teknologi hijau di Malaysia semakin berkembang, bilangan dan skop projek dalam teknologi hijau semakin meningkat seiring dengan permintaan untuk pembiayaan. GTFS 2.0 dapat menggalakkan syarikat-syarikat mengusahakan projek lestari berskala besar yang memberi rangsangan besar untuk pasaran hijau tempatan," tambah beliau lagi.

Pelaksanaan GTFS 2.0 adalah penting untuk memastikan projek berasaskan teknologi hijau terus menerima sokongan, yang secara langsung akan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan industri teknologi hijau dan juga pemangkin kepada dasar Perubahan Iklim. Pasaran teknologi hijau di Malaysia ini semakin berkembang pesat, seiring dengan permintaan pembiayaan oleh industri, kerajaan komited untuk memastikan landskap tetap menarik.

Bercakap tentang pentingnya GTFS, Tuan Syed Ahmad Syed Mustafa, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif GreenTech Malaysia berkata, "Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan perniagaan lestari dan sektor teknologi hijau di Malaysia. Skim ini telah membantu beratus-ratus syarikat mendapatkan akses kepada pembiayaan bagi membantu usaha lestari. Skim ini juga menyediakan peluang untuk institusi kewangan untuk membiasakan diri dengan pembiayaan perniagaan hijau. Kejayaan ini terbukti dengan jumlah rekod pembiayaan yang diluluskan yang kami capai pada 2017."

Untuk menggalakkan pertumbuhan penggunaan teknologi hijau, kerajaan juga telah memperluaskan senarai aset untuk memenuhi syarat Elaun Cukai Pelaburan Hijau untuk aset hijau atau aset-aset GITA dari sembilan hingga 40 aset. Insentif cukai ini diperkenalkan pada tahun 2014 untuk meningkatkan penggunaan peralatan teknologi hijau.

GreenTech Malaysia adalah agensi yang ditugaskan untuk menguruskan GTFS 2.0 dan Insentif Cukai GITA GITE. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari:

<https://www.greentechmalaysia.my/services/green-investment-tax-incentives/>

<https://gtfs.my/>

<https://www.myhijau.my/green-incentives/>

-TAMAT-

Mengenai Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)



Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) adalah sebuah agensi kerajaan di bawah bidang kuasa MESTECC yang dipertanggungjawabkan sebagai organisasi terkemuka dalam menerajui teknologi hijau untuk pertumbuhan hijau & kelestarian di Malaysia.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

GreenTech Malaysia

No. Telefon: 03-89210800

Laman Web: www.greentechmalaysia.my